

KELOMPOK (Part 5)

Rahimei Mohd Iqbal B. Abdul Malik, Rustam Bin Hashim & Syed Syamsul Faizal Bin Syed Zakariya

PROSES SOSIALISASI KELOMPOK

Menurut Moreland dan Levine (1980) dalam Berkowitz (1983), mereka berpendapat bahawa terdapat tiga proses asas sosialisasi kelompok iaitu;

➤ **Penyiasatan**

Dalam proses ini, ahli yang bakal menganggotai sesuatu kelompok itu akan membuat penilaian berkaitan dengan ganjaran yang bakal diperolehinya jika menyertai sesebuah kelompok itu. Selain itu, ahli yang telah menyertai kelompok itu juga akan membuat penilaian terhadap ahli yang ingin menyertai kelompok itu.

➤ **Komitmen**

Setelah kedua-dua belah pihak setuju, ahli baru akan menyertai kelompok baru tersebut. Mereka akan saling memberi komitmen di dalam kelompok tersebut. Semakin tinggi ganjaran yang akan diperolehi semakin tinggi komitmen yang mereka berikan.

➤ **Perubahan Peranan**

Proses ini berlaku sekiranya terdapat penerimaan peranan yang tidak sesuai kepada ahli kelompok tersebut. Perubahan ini mungkin menjadikan sesebuah kelompok tersebut lebih maju, tidak berubah ataupun lebih teruk. Impaknya adalah ditentukan oleh ahli kelompok itu sendiri.